

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH / HARI : 29 OGOS 2017 ( SELASA )

Peluang menang wang  
tunai lebih RM10,000

Shah  
29/8/17

SHAH ALAM - Satu pertandingan fotografi bertemakan 'Sayangi Shah Alam' yang menawarkan hadiah wang tunai bernilai lebih RM10,000 diadakan bermula 16 Ogos sehingga 16 November ini.

Ketua Bahagian Korporat & Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, pertandingan tersebut adalah anjuran MBSA bagi memberi peluang kepada orang ramai menyerlahkan bakat mereka, selain menggalakkan masyarakat untuk menghargai serta mencintai bandaraya Shah Alam melalui lensa fotografi.

Menurutnya, para peserta boleh mengambil foto di tempat-tempat menarik sekitar Shah Alam seperti lokasi pelancongan, bangunan, monumen, tasik, taman atau landskap.

Katanya, penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

"Tempat pertama pertandingan akan memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM5,000, tempat kedua, hadiah wang tunai berjumlah RM3,000, manakala tempat ketiga akan memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

"Hadiah sagu hati berjumlah RM200 seorang akan diberikan untuk tujuh orang pemenang. Sijil juga akan diberi kepada semua peserta yang menang," katanya.

Katanya, untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi talian 03-55105133, sambungan 1250 dan 1431.